

PERALIHAN DARI ASPEK PENGUASAAN BAHASA MASYARAKAT KAMPAR DI KAMPUNG SUNGAI NIPAH DARAT

MIOR MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL RAHMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
meorfirdausabdulrahman@gmail.com

*SA'ADIAH MA'ALIP**
Universiti Kebangsaan Malaysia
adia@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang peralihan dalam kalangan masyarakat Kampar di Kampung Sungai Nipah Darat. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif deskriptif. Sebanyak 60 orang ahli masyarakat Kampar dijadikan subjek kajian ini. Instrumen yang diaplikasikan berbentuk borang soal selidik yang dibina melalui perisian 'Google Form' dan diedarkan melalui aplikasi 'Whatsapp'. Kajian peralihan Bahasa masyarakat ini dilihat dari aspek penguasaan bahasa Kampar. Maklumat yang diperolehi ini kemudiannya dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk mencari nilai frekuensi. Bahagian pengkajian terhadap penguasaan bahasa Kampar dalam hasil dapatan dilaksanakan dengan menggunakan ujian penguasaan kefahaman leksikal bagi kata nama, kata kerja, dan kata adjektif dengan memanfaatkan 7 bentuk ayat dalam bahasa Kampar masing-masing. Data yang diperolehi menunjukkan ujian kefahaman leksikal kata nama, kata kerja, dan kata adjektif menggambarkan kelompok generasi muda mempunyai nilai peratus memilih jawapan tidak tepat yang tertinggi masing-masing. Penguasaan yang lemah terhadap Bahasa Kampar dalam kalangan generasi muda menggambarkan peralihan Bahasa telah berlaku kepada Bahasa Melayu khususnya. Penguasaan yang lemah dalam aspek leksikal yang diuji menunjukkan penguasaan bahasa Kampar yang semakin merosot. Peralihan bahasa walaupun berlaku dalam proses yang perlahan tetapi tetap memberi kesan terhasap bahasa Kampar. Diharapkan agar kajian ini dapat memberikan gambaran situasi bahasa masyarakat Kampar di Kampung Sungai Nipah Darat agar ada usaha yang boleh dilaksanakan untuk memastikan peralihan bahasa dalam masyarakat ini dapat dikawal demi kelestariannya.

Kata kunci: bahasa Kampar; Kampung Sungai Nipah Darat; kelestarian bahasa; penguasaan bahasa; peralihan bahasa

LANGUAGE SHIFT IN PROFICIENCY ASPECT OF KAMPAR

COMMUNITY IN KAMPUNG SUNGAI NIPAH DARAT

ABSTRACT

This study discusses the language shift among the Kampar community in Kampung Sungai Nipah Darat. This study uses a descriptive quantitative study design. A total of 60 members of the Kampar community were chosen as the subjects of this study. The instrument applied is in the form of a questionnaire which was built through the 'Google Form' software and distributed through the 'Whatsapp' application. The study of the language shift of this community is seen from the aspect of Kampar language proficiency. The information obtained was then analyzed using descriptive analysis to find the frequency value. The study on Kampar language proficiency in the findings was implemented by using lexical comprehension proficiency test for nouns, verbs, and adjectives by utilizing 7 sentences forms in Kampar language respectively. The data obtained showed lexical comprehension tests of nouns, verbs, and adjectives describing the younger generation group had the highest percentage value of choosing incorrect answers respectively. The weak mastery of the Kampar language among the younger generation reflects the language shift that has taken place to the Malay language in particular. Poor proficiency in the lexical aspects tested indicates a declining proficiency in the Kampar language. The language shift, although it takes place in a slow process, still has an impact on the Kampar language. It is hoped that this study could provide an overview of the language situation of the Kampar community in Kampung Sungai Nipah Darat so that there are efforts that could be implemented to ensure that the language shift in this community could be controlled for its sustainability.

Keywords: Kampar language; Kampung Sungai Nipah Darat; language sustainability; language proficiency; language shift

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan salah satu daripada keperluan dalam kehidupan. Manusia telah menggunakan bahasa dengan sangat lama dan ia dijadikan sebagai satu alat untuk melaksanakan interaksi. Dalam kata lain, ia berfungsi dengan cara menyampaikan maklumat dan idea yang direalisasikan penutur. Idea dan mesej tersebut akan dapat diterima dan difahami pendengar.

Baker, 2011 (dalam Noraisikin Ghazali et al. , 2019) menyatakan bahawa peralihan bahasa merupakan pergerakan bahasa ke bawah, di mana akan dapat dilihat pengurangan dari segi jumlah penutur suatu bahasa, penurunan ketepuan penutur bahasa dalam suatu populasi, kehilangan dalam menggunakan bahasa, dan pengurangan penggunaan suatu bahasa dalam kebanyakan domain. Hayati Lateh et al. (2020) pula membentangkan bahawa terdapat beberapa isu yang menyebabkan peralihan bahasa ini boleh berlaku. Mereka menyatakan bahawa peralihan bahasa berlaku apabila suatu komuniti itu mengabaikan kewujudan bahasa etnik mereka sendiri dari segi penggunaan dan pada masa yang sama mereka menggunakan bahasa yang lebih dominan dari aspek sosial dan ekonomi. Mereka juga memberikan maklumat tambahan di mana proses peralihan bahasa ini merupakan suatu fenomena yang akan berlaku secara berterusan, perlahan-lahan, dan dari satu generasi ke satu generasi.

Dengan itu peralihan bahasa merupakan suatu bentuk proses di mana ia boleh berlaku pada mana-mana bahasa dan ia berlangsung secara perlahan-lahan.

Perbincangan bagi hal peralihan bahasa mencakupi pelbagai aspek seperti penggunaan, pemilihan, sikap, penguasaan bahasa serta isu-isu lain berkaitan dengan sesebuah masyarakat bahasa. Oleh itu, perbincangan dalam kajian ini menumpukan aspek penguasaan bahasa. Berdasarkan penjelasan yang diberikan Sa'adiah Ma'alip dan Rahilah Omar (2018), menyatakan bahawa penguasaan bahasa boleh dikenali sebagai satu kebolehan menguasai, kesanggupan menggunakan pengetahuan, dan juga kepandaian dalam menggunakan suatu bahasa. Maka bahasa perlulah dikuasai oleh penuturnya untuk memastikan kedudukannya kukuh (Sa'adiah & Teo, 2016). Pernyataan tersebut telah menjelaskan bahawa aspek penguasaan bahasa merupakan salah satu tiang kepada kekuatan bahasa agar ia dapat memastikan pengekalannya. Dengan ini, bahasa minoriti akan mengalami peralihan bahasa sekiranya penguasaan tersebut berada dalam satu tahap yang sangat lemah.

Masyarakat Kampar atau dikenali juga sebagai orang Kampar atau orang Ocu merupakan salah satu komuniti yang mengalami proses peralihan bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka merupakan salah satu kaum minoriti yang mewujudkan penempatan di semenanjung Tanah Melayu dan dikerumuni pengguna bahasa-bahasa yang lebih dominan. Kampar sebenarnya merupakan nama satu tempat di Indonesia. Penduduknya iaitu orang Kampar sebenarnya merupakan orang Minangkabau yang kerap menggelarkan diri mereka sebagai '*Ughang Ocu*'. Masyarakat ini tersebar di persekitaran kawasan Kampar dan terbahagi kepada beberapa jenis suku seperti Domo, Melayu, Piliang, Mendailiong, Puto Pang, Caniago, Kampai, Bendang, dan banyak lagi. Selain itu, dari segi adat dan istiadat, mereka menunjukkan ciri yang hampir serupa dengan apa yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau. Hal ini berlaku disebabkan oleh penjajahan tentera Jepun pada tahun 1942 yang mana telah menyebabkan keterpisahan kawasan Kampar daripada Ranah Minang.

Pada tahun 2014, Amir Guntur Kamparputra menjelaskan bahawa dari abad ke 16 sehingga abad ke 20, terdapat lebih kurang lapan gelombang kedatangan orang Kampar dari Kampar di Indonesia ke semenanjung Tanah Melayu. Antara contoh peristiwa tersebut adalah seperti pergerakan Raja Ali Alauddin Shah dari Kampar ke Pahang untuk membuka Pekan Tua sebelum berangkat membuka negeri Johor Lama pada tahun 1540, ketibaan Raja Muzaffar Shah ke Perak dari Kampar dan seterusnya dinobatkan sebagai Sultan, kemasukan orang Kampar ke semenanjung Tanah Melayu sebagai pedagang, dan banyak lagi.

Berdasarkan penjelasan yang telah diberikan berkenaan dengan latar belakang orang Kampar, penerangan seterusnya akan beralih kepada pemerian maklumat berkaitan dengan bahasa yang dituturkan masyarakat ini. Witrianto dan Arfinal (2011) menyatakan bahawa bahasa Kampar atau bahasa Ocu merupakan bahasa yang digunakan orang Kampar dan mereka merupakan penempatan asli di suatu daerah yang bernama Kampar di Riau. Kedudukan daerah ini bersebelahan dengan Sumatera Barat dan kawasan ini didiami majoriti masyarakat etnik Minangkabau. Dari segi kosa kata yang terkandung dalam bahasa Ocu, kebanyakan daripadanya hampir serupa dengan apa yang terkandung dalam senarai kosa kata bagi bahasa Minangkabau. Hal ini telah menyebabkan mereka yang beretnik Minangkabau berupaya untuk memahami bahasa Kampar dengan baik dan begitu juga sebaliknya bagi orang Kampar dalam memahami bahasa Minangkabau. Dari segi perspektif pula, masyarakat dari etnik Minangkabau beranggapan bahawa bahasa Ocu yang digunakan masyarakat Kampar berasal daripada salah satu dialek dalam bahasa Minangkabau kerana kemiripannya dengan dialek Limapuluh Kota. Walau bagaimanapun, pandangan ini ditentang masyarakat Kampar dengan alasan bahawa bahasa Ocu yang mereka gunakan ini merupakan salah satu daripada dialek bahasa Melayu yang dikenali sebagai bahasa Melayu dialek Kampar.

Masyarakat Kampar seperti yang telah dijelaskan sebelum ini telah bermastautin di

Malaysia sejak abad ke 16 lagi, maka terdapat beberapa tempat di Malaysia yang telah menjadi penempatan dan perkampungan bagi masyarakat ini. Dalam kajian ini, Kampung Sungai Nipah Darat telah dijadikan sebagai kawasan kajian. Hal ini berlaku kerana adanya masyarakat berbangsa Kampar yang menetap di kawasan tersebut. Sebagai maklumat tambahan, Kampung Sungai Nipah Darat merupakan salah satu perkampungan yang terletak dalam kawasan Mukim Rungkup yang mana ia merupakan salah satu daripada empat mukim lain yang berada di bawah Daerah Bagan Datuk.

Menurut Majlis Perbandaran Teluk Intan (2017) dalam ‘Rancangan Tempatan Daerah Bagan Datuk 2035’, Daerah Bagan Datuk termasuk Pulau Sembilan berada di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Teluk Intan. Dari segi kedudukannya pula, Daerah Bagan Datuk terletak di bahagian selatan negeri Perak dan daerah ini juga bersempadan dengan Daerah Perak Tengah, Daerah Manjung, Daerah Hilir Perak, Daerah Muar, Selat Melaka, dan Daerah Sabak Bernam. Selain itu, Mukim Rungkup merupakan salah satu daripada mukim-mukim lain yang terdapat dalam Daerah Bagan Datuk seperti Mukim Bagan Datuk, Mukim Hutan Melintang, dan Mukim Teluk Bharu. Anggaran keluasan bagi Mukim Rungkup adalah sekitar 11,712.28 hektar atau 8.01 peratus daripada keseluruhan keluasan daerah ini. Manakala bagi kedudukan terperinci kawasan kajian pula, Kampung Sungai Nipah Darat terletak di antara kawasan Rungkup dan kawasan Simpang Tiga.

SKOP KAJIAN

Seterusnya adalah skop sasaran kajian, bahagian ini akan berfokuskan kepada pemilihan sasaran masyarakat yang akan menjadi sumber data bagi kajian ini. Kumpulan masyarakat tersebut adalah komuniti berbangsa Kampar. Selain daripada melakukan pemilihan etnik untuk dijadikan sasaran dalam kajian ini, pengkaji juga telah membahagikan skop sasaran kajian ini kepada tiga jenis kumpulan generasi. Kumpulan-kumpulan generasi tersebut adalah seperti generasi remaja, generasi dewasa, dan generasi tua. Penetapan bagi umur bagi kumpulan-kumpulan generasi ini adalah 13 tahun hingga 25 tahun bagi generasi remaja, 26 tahun hingga 59 tahun bagi generasi dewasa, dan 60 tahun hingga ke atas bagi generasi tua. Daripada pemerian bagi setiap generasi ini, masyarakat berbangsa Kampar di kawasan kajian adalah layak untuk dijadikan sebagai responden sekiranya mereka berada dalam lingkungan umur berikut.

Untuk skop yang terakhir, kawasan yang telah ditetapkan menjadi skop kawasan kajian adalah Kampung Sungai Nipah Darat. Perkampungan ini merupakan satu penempatan yang terletak di bahagian Hilir Perak iaitu di Mukim Rungkup dalam Daerah Bagan Datuk. Antara sebab mengapa penempatan ini telah dijadikan sebagai kawasan kajian adalah kerana dikhabarkan bahawa kawasan tersebut didiami komuniti berbangsa Kampar secara majoritinya. Oleh itu, limitasi kawasan kajian di perkampungan ini merupakan satu tindakan yang rasional untuk kajian ini.

METODOLOGI

Kaedah pengumpulan data merupakan bahagian di mana pemerian dilakukan berkaitan dengan data yang diperolehi dan direkodkan dalam penyelidikan ini. Data-data tersebut akan berjaya

diperoleh dengan bersandarkan kepada reka bentuk dan objektif kajian. Fauziah Ibrahim et al. (2020) menerangkan bahawa antara jenis data yang ditetapkan dalam suatu penyelidikan adalah seperti data primer dan data sekunder. Mereka menerangkan lagi bahawa data primer adalah data yang diperoleh daripada responden kajian secara langsung manakala data sekunder pula adalah data yang diperoleh daripada sumber-sumber yang bertulis.

Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) bagi memperoleh data primer. Ang Kaen Hua, 2016 menerangkan kajian berjenis tinjauan merupakan satu penyelidikan bukan eksperimen. Bukan itu sahaja, kajian tersebut akan menggunakan borang soal selidik kepada subjek kajian untuk memperoleh data. Oleh itu, hal ini selari dengan penyelidikan ini yang menggunakan kaedah tinjauan dengan memanfaatkan borang soal selidik kepada subjek kajian untuk memperoleh data primer bagi penyelidikan ini.

Untuk data sekunder pula, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis sejarah. Nama lain bagi kaedah ini adalah sorotan literatur. Fauziah Ibrahim et al. (2020) menerangkan kaedah analisis sejarah merupakan satu inisiatif di mana penyelidik melakukan perbandingan dengan kajian-kajian terdahulu berdasarkan kepada pemboleh ubah dan tujuan yang sama dengan kajian yang dijalankan. Kaedah ini juga digunakan untuk membentuk semula hipotesis kajian yang pernah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Maka, hal ini menunjukkan peratus keselarian tinggi dengan apa yang dilaksanakan dalam penyelidikan milik pengkaji ini.

Data mentah yang diperoleh dalam kajian ini perlu melalui beberapa proses dari segi pemerolehannya. Berikut merupakan proses yang dilaksanakan untuk mengumpul data bagi kajian ini.

Sebelum langkah pemberian borang soal selidik dilaksanakan, pengkaji telah mengambil inisiatif yang pertama terlebih dahulu iaitu dengan memperoleh maklumat nombor telefon bimbit salah seorang penduduk di kawasan kajian yang berbangsa Kampar. Dengan kerjasama yang telah beliau berikan, hal ini menyebabkan pengkaji berupaya untuk memperoleh maklumat berhubung dengan masyarakat berbangsa Kampar yang lain di Kampung Sungai Nipah Darat secara dalam talian sahaja. Usaha mengumpul subjek kajian ini adalah dalam bentuk talian dan bukan secara bersemuka disebabkan penularan wabak penyakit berjangkit Covid-19 yang melanda negara Malaysia pada waktu kajian ini dilaksanakan.

Setelah senarai bakal responden ini berjaya dikumpulkan, pengkaji seterusnya memberikan borang soal selidik dalam bentuk maya dengan menggunakan perisian '*Google Form*' melalui aplikasi '*Whatsapp*'. Seterusnya, data yang diberikan pihak responden akan dapat dikumpul dan kesemua data tersebut adalah data yang lengkap disebabkan arahan yang telah pengkaji tetapkan dalam perisian '*Google Form*' tersebut. Bersandarkan daripada proses yang telah diterangkan secara terperinci ini, beginilah caranya pengkaji memperoleh data primer untuk penyelidikan peralihan bahasa di Kampung Sungai Nipah Darat ini.

Data-data mentah yang diperoleh daripada penggunaan instrumen borang soal selidik akan dianalisis dengan bersandarkan kepada analisis deskriptif.

Berdasarkan penerangan Fauziah Ibrahim et al. (2020), analisis deskriptif digunakan dengan tujuan untuk memperoleh bilangan dan kekerapan dalam bentuk frekuensi tentang maklumat yang dicari dalam suatu sampel kajian. Selain daripada itu, analisis deskriptif ini juga boleh hadir dalam bentuk peratusan. Analisis ini juga boleh digunakan untuk mendapatkan corak dan peratusan daripada respon yang diberikan pihak responden dalam borang soal selidik dan hal ini akan membentuk satu profil bagi subjek kajian. Dari segi persembahan, data yang dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif boleh dibentangkan dalam bentuk rajah atau jadual bersandarkan kepada kesesuaian kajian yang dilakukan.

Oleh itu, maklumat-maklumat penting berkaitan dengan peralihan bahasa yang berlaku dalam masyarakat Kampar di kawasan kajian akan diperolehi dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen yang diguna pakai pula adalah borang soal selidik dalam bentuk maya dan ia akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif.


DAPATAN

PENGAJIAN TERHADAP PENGUASAAN BAHASA KAMPAR

Kajian berkaitan dengan masyarakat Kampar di kawasan kajian yang berkaitan dengan peralihan bahasa ini telah menjadi tumpuan pengkaji kerana keistimewaan yang dimiliki oleh masyarakat ini dari segi latar belakang sejarah dan bahasanya. Oleh itu, pengkaji telah menjadikan komuniti ini sebagai subjek kajian untuk mengenal pasti salah satu fenomena yang mereka hadapi sebagai satu komuniti minoriti iaitu peralihan bahasa dari aspek penguasaan. Sa'adiyah Ma'alip dan Rahilah Omar (2018) menerangkan bahawa penguasaan bahasa merupakan suatu kebolehan menguasai sesuatu bahasa. Maka, dalam bahagian ini akan dibentangkan dan dianalisis data yang diperolehi menggunakan borang soal selidik. Aspek yang akan dibincangkan bagi pengkajian tahap penguasaan bahasa Kampar ini adalah seperti ujian penguasaan kefahaman leksikal kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Ujian penguasaan makna ini dilakukan dengan menggunakan 21 bentuk ayat dalam bahasa Kampar dengan pecahan 7 ayat bagi setiap aspek yang diuji.

Ujian Penguasaan Kefahaman Leksikal Kata Nama


Dalam ujian penguasaan kefahaman leksikal ini, perkara yang diberikan fokus adalah aspek kata nama. Aspek ini diuji kerana kata nama merupakan salah satu daripada item dalam kategori kata (Norliza Jamaluddin, 2018). Hal ini diuji dengan memanfaatkan tujuh bentuk ayat dalam bahasa Kampar dan telah dikosongkan bahagian kata nama bagi setiap ayat yang berikut. Selain daripada itu, penerangan bagi setiap perkataan yang diuji dalam ayat juga disertakan kepada pihak responden. Setelah selesai pembentangan dan analisis data, akan diberikan peratusan bagi responden yang memilih jawapan salah pada penghujung setiap perbincangan ayat bermula dengan catatan peratusan yang tertinggi hingga yang paling rendah mewakili keseluruhan kelompok generasi masing-masing. Hal ini dapat membantu dari segi menggambarkan kumpulan generasi yang mempunyai tahap penguasaan leksikal bahasa Kampar yang rendah. Berikut merupakan hasil dapatan berserta analisis bagi ujian penguasaan kefahaman leksikal kata nama bahasa Kampar:



RAJAH 1 Ayat 1

Rajah 1 ini menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 1. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Panggilan terhadap orang lain (Kata ganti diri ke dua)’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah B iaitu ‘Wa ang’ yang bermaksud ‘Awak’. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 97% atau 58 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Sebanyak 3% atau 2 orang yang selebihnya memilih jawapan D iaitu ‘Iku’ yang bermaksud ‘Ekor’ dan merupakan jawapan yang salah.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (12% atau 2 orang).



RAJAH 2 Ayat 2

Rajah 2 di atas menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 2. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Panggilan bagi diri sendiri (Kata ganti diri pertama)’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah D iaitu ‘Deyen’ yang bermaksud ‘Saya’. Berdasarkan daripada data yang diperoleh, sebanyak 93% atau 56 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, sebanyak 7% atau 4 orang yang telah memilih jawapan A ‘Abuok’ dan C ‘Obuok’ yang bermaksud ‘Habuk’ dan ‘Rambut’ masing-masing yang merupakan pilihan jawapan yang salah.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (12% atau 2 orang), generasi tua (10% atau seorang), generasi dewasa (3% atau seorang).



RAJAH 3 Ayat 3

Berdasarkan daripada Rajah 3 di atas, dapat dilihat ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 3. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Sejenis binatang tidak berkaki dan kulitnya bersisik’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah A iaitu ‘Ulek’ yang bermaksud ‘Ular’. Berdasarkan data ini, sebanyak 95% atau 57 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Tetapi, sebanyak 5% atau 3 orang yang telah memilih pilihan jawapan yang salah iaitu C ‘Botiok’ dan D ‘Lapiok’ yang bermaksud ‘Betik’ dan ‘Tikar’ masing-masing.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (12% atau 2 orang), generasi dewasa (3% atau seorang).



RAJAH 4 Ayat 4

Merujuk kepada Rajah 4, ujian penguasaan kefahaman leksikal kata nama dilakukan menggunakan Ayat 4. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Saudara kandung yang lebih muda’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah A iaitu ‘Adiok’ yang bermaksud ‘Adik’. Dalam data mentah ini, didapati sebanyak 92% atau 55 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 8% atau 5 orang yang telah memilih pilihan jawapan yang salah iaitu B ‘Cinaku’, C ‘Duyan’, dan D ‘Uso’ yang membawa erti ‘Harimau’, ‘Durian’, dan ‘Rusa’ masing-masing.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (18% atau 3 orang), generasi tua (10% atau seorang), generasi dewasa (3% atau seorang).




RAJAH 5 Ayat 5

Rajah 5 ini menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 5. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Sejenis kenderaan’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah C iaitu ‘Onda’ yang bermaksud ‘Motosikal’. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 60% atau 36 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. 40% atau 24 orang yang selebihnya memilih jawapan yang salah seperti A ‘Pangolan’, B ‘Jobak’, dan D ‘Gobang’ yang bermaksud ‘Galah’, ‘Jebak’, dan ‘Gerbang’ masing-masing.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan


susunan menurun: Generasi tua (60% atau 6 orang), generasi remaja (41% atau 7 orang), generasi dewasa (33% atau 11 orang).



RAJAH 6 Ayat 6

Rajah 6 memaparkan hasil ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 6. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Sejenis buah bagi tumbuhan palma' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah D iaitu 'Kambiu' yang bermaksud 'Buah Kelapa'. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 82% atau 49 orang responden yang telah memilih jawapan yang betul. Walau bagaimanapun, sebanyak 18% atau 11 orang yang lain telah memilih jawapan A 'Galamai', B 'Sayok', dan C 'Jaghawek' yang bermaksud 'Dodol', 'Sayap', dan 'Jerawat' masing-masing dan pilihan-pilihan ini merupakan jawapan yang salah.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi tua (30% atau 3 orang), generasi remaja (24% atau 4 orang), generasi dewasa (12% atau 4 orang).



RAJAH 7 Ayat 7

Berdasarkan daripada Rajah 7, dapat dilihat ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 7. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Kelompok gerai menjual barang


makanan dan sehari-hari' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah B iaitu 'Pasau' yang bermaksud 'Pasar'. Berdasarkan data ini, sebanyak 87% atau 52 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Tetapi, sebanyak 13% atau 8 orang yang telah memilih pilihan jawapan yang salah iaitu A 'Piti', C 'Jambau', dan D 'Olang-olang' yang bermaksud 'Wang', 'Dulang', dan 'Wau' masing-masing.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (18% atau 3 orang), generasi dewasa (12% atau 4 orang), generasi tua (10% atau seorang).

Secara keseluruhannya, ujian penguasaan kefahaman leksikal kata nama ini berjaya menunjukkan bahawa generasi remaja bagi kajian ini merupakan kelompok umur yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah bagi aspek ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kumpulan generasi ini telah menggambarkan peratusan yang tertinggi dari segi kesalahan memilih jawapan dalam ujian Ayat 1, Ayat 2, Ayat 3, Ayat 4, dan Ayat 7 dengan ukuran peratusan 12%, 12%, 12%, 18%, 18% masing-masing. Hal ini boleh berlaku mungkin disebabkan keselarisan arah tuju kajian dengan penyelidikan milik Sa'adiah Ma'alip dan Rahilah Omar (2018) yang menggambarkan fenomena peralihan bahasa dari segi penguasaan yang hebat pada subjek kajian dalam golongan generasi muda.

Ujian Penguasaan Kefahaman Leksikal Kata Kerja


Dalam ujian penguasaan kefahaman leksikal ini, perkara yang diberikan fokus adalah berkaitan dengan aspek kata kerja. Hal ini diuji dengan menggunakan tujuh bentuk ayat dalam bahasa Kampar yang telah dikosongkan bahagian kata kerjanya bagi setiap ayat tersebut. Selain itu, penerangan bagi setiap perkataan yang diuji dalam ayat juga disertakan kepada pihak responden. Setelah pembentangan dan analisis data selesai dilaksanakan, akan diberikan peratusan bagi responden yang memilih jawapan yang tidak tepat pada penghujung setiap perbincangan ayat bermula dengan catatan peratusan yang tertinggi hingga yang paling rendah mewakili keseluruhan kelompok generasi masing-masing. Usaha ini dapat membantu dari segi menggambarkan kumpulan generasi yang mempunyai tahap penguasaan leksikal bahasa Kampar yang rendah. Berikut merupakan hasil dapatan berserta analisis bagi ujian penguasaan kefahaman leksikal kata kerja bahasa Kampar:



RAJAH 8 Ayat 8

Rajah 8 di atas ini menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 8. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Menuju ke sesuatu tempat’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah C iaitu ‘Pai’ yang bermaksud ‘Pergi’. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 88% atau 53 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, sebanyak 12% atau 7 orang yang selebihnya memilih jawapan A ‘Poluok’, dan B ‘Koke’ yang bermaksud ‘Peluk’, dan ‘Selongkar’ masing-masing dan ia merupakan pilihan jawapan yang tidak tepat.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi tua (20% atau 2 orang), generasi remaja (18% atau 3 orang), generasi dewasa (6% atau 2 orang).



RAJAH 9 Ayat 9

Rajah 9 di atas menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 9. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Dalam keadaan tidak sedar dengan mata terpejam’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah C iaitu ‘Lolok’ yang bermaksud ‘Tidur’. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 95% atau 57 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, sebanyak 5% atau 3 orang yang telah memilih jawapan yang salah seperti B ‘Acak’ dan D ‘Kotuok’ yang bermaksud ‘Buang’ dan ‘Ketuk’ masing-masing.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi tua (30% atau 3 orang).



RAJAH 10 Ayat 10

Berdasarkan daripada Rajah 10 di atas, dapat dilihat ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 10. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Permintaan keterangan' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah B iaitu 'Batanyo' yang bermaksud 'Bertanya'. Berdasarkan data ini, sebanyak 90% atau 54 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Tetapi, terdapat sebanyak 10% atau 6 orang yang telah memilih pilihan jawapan yang salah seperti A 'Pukue', C 'Golak', dan D 'Usuo' yang bermaksud 'Pukul', 'Tertawa', dan 'Rusuh' masing-masing.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (12% atau 2 orang), generasi tua (12% atau seorang), generasi dewasa (9% atau 3 orang).




RAJAH 11 Ayat 11

Merujuk kepada Rajah 11, ujian penguasaan kefahaman leksikal kata kerja dilakukan menggunakan Ayat 11. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Buang atau lempar' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah D iaitu 'Compak' yang bermaksud 'Campak'. Dalam data mentah ini, didapati sebanyak 93% atau 56 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 7% atau 4 orang yang telah

memilih pilihan jawapan yang salah iaitu A ‘Diwui’, B ‘Tompoo’, dan C ‘Lumbo’ yang membawa erti ‘Jirus’, ‘Tempuh’, dan ‘Lumba’ masing-masing.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi tua (10% atau seorang), generasi remaja (6% atau seorang), generasi dewasa (6% atau 2 orang).



RAJAH 12 Ayat 12

Rajah 12 ini menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 12. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Menusuk sesuatu dengan galah’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah A iaitu ‘Juluok’ yang bermaksud ‘Jolok’. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 78% atau 47 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. 22% atau 13 orang yang selebihnya memilih jawapan yang salah seperti B ‘Zikiu’ dan C ‘Kopik’ yang bermaksud ‘Zikir’ dan ‘Kepit’ masing-masing.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi tua (40% atau 4 orang), generasi remaja (18% atau 3 orang), generasi dewasa (18% atau 6 orang).



RAJAH 13 Ayat 13

Rajah 13 memaparkan hasil ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 13. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Kembali atau pulang' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah A iaitu 'Baliok' yang bermaksud 'Balik'. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 97% atau 58 orang responden yang telah memilih jawapan yang betul. Walau bagaimanapun, sebanyak 3% atau 2 orang yang lain telah memilih jawapan C 'Kolu' dan D 'Onang' yang bermaksud 'Keluar' dan 'Renang' masing-masing dan pilihan-pilihan ini merupakan jawapan yang salah.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (6% atau seorang), generasi dewasa (3% atau seorang).



RAJAH 14 Ayat 14


Berdasarkan daripada Rajah 14, dapat dilihat ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 14. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Menemui seseorang' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah B iaitu 'Kunjuong' yang bermaksud 'Kunjung'. Berdasarkan data ini, sebanyak 95% atau 57 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Tetapi, sebanyak 5% atau 3 orang yang telah memilih pilihan jawapan yang salah iaitu C 'Loncek' dan D 'Jojok' yang bermaksud 'Lompat' dan 'Menyampah' masing-masing.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (12% atau 2 orang), generasi dewasa (3% atau seorang).

Secara keseluruhannya, ujian penguasaan kefahaman leksikal kata kerja ini menunjukkan bahawa kelompok umur yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah bagi aspek ini adalah generasi tua. Hal ini dikatakan demikian kerana kumpulan generasi ini telah menggambarkan peratusan yang tertinggi dari segi kesalahan memilih jawapan dalam ujian Ayat 8, Ayat 9, Ayat 11, dan Ayat 12 dengan catatan peratusan 20%, 30%, 10%, 40% masing-masing. Pengkaji berpendapat bahawa hal ini boleh berlaku disebabkan bilangan responden daripada golongan generasi tua yang lebih sedikit berbanding golongan generasi yang lain iaitu sebanyak 17% atau 10 orang responden sahaja. Maka, situasi ini akan mengakibatkan nilai peratus per responden yang menjadi wakil generasi untuk generasi tua lebih tinggi berbanding generasi remaja dan generasi dewasa.

Ujian Penguasaan Kefahaman Leksikal Kata Adjektif

Dalam ujian penguasaan kefahaman leksikal ini pula, fokus bagi pecahan bahagian adalah berkaitan dengan aspek kata adjektif. Hal ini diuji dengan menggunakan tujuh bentuk ayat dalam bahasa Kampar yang telah dikosongkan bahagian kata adjektifnya bagi setiap ayat tersebut. Selain itu, penerangan bagi setiap perkataan yang diuji dalam ayat juga disertakan kepada pihak responden. Setelah pembentangan dan analisis data selesai dilaksanakan, akan diberikan peratusan bagi responden yang memilih jawapan yang tidak tepat pada penghujung setiap perbincangan ayat bermula dengan catatan peratusan yang tertinggi hingga yang paling rendah mewakili keseluruhan kelompok generasi masing-masing. Langkah ini berupaya untuk membantu dari segi menggambarkan kumpulan generasi yang mempunyai tahap penguasaan leksikal bahasa Kampar yang rendah. Berikut merupakan hasil dapatan berserta analisis bagi ujian penguasaan kefahaman leksikal kata adjektif bahasa Kampar:




RAJAH 15 Ayat 15

Rajah 15 di atas ini menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 15. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Ukuran yang tidak kecil' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah D iaitu 'Godang' yang bermaksud 'Besar'. Berdasarkan daripada data yang diperoleh, sebanyak 92% atau 55 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Walau

bagaimanapun, sebanyak 8% atau 5 orang yang selebihnya memilih jawapan A ‘Lele’, B ‘Koduik’, dan C ‘Losu yang bermaksud ‘Cuai’, ‘Kedut’, dan ‘Lesu’ masing-masing dan ia merupakan pilihan jawapan yang tidak tepat.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi tua (10% atau seorang), generasi dewasa (9% atau 3 orang), generasi remaja (6% atau seorang).



RAJAH 16 Ayat 16

Rajah 16 di atas menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 16. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Berlawan dengan sifat besar’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah A iaitu ‘Ketek’ yang bermaksud ‘Kecil’. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 95% atau 57 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 5% atau 3 orang yang telah memilih jawapan yang salah seperti B ‘Bincuik’ dan C ‘Koghiong’ yang bermaksud ‘Bengkak’ dan ‘Kering’ masing-masing.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (18% atau 3 orang).



RAJAH 17 Ayat 17

Berdasarkan Rajah 17 di atas, dapat dilihat ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 17. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Ukuran yang sangat kecil’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah A iaitu ‘Alui’ yang bermaksud ‘Halus’. Berdasarkan data ini, sebanyak 92% atau 55 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Tetapi, terdapat sebanyak 8% atau 5 orang yang telah memilih pilihan jawapan yang salah seperti B ‘Sigha’, C ‘Biak’, dan D ‘Angik’ yang bermaksud ‘Merah’, ‘Basah’, dan ‘Hangit’ masing-masing.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (12% atau 2 orang), generasi tua (10% atau seorang), generasi dewasa (6% atau 2 orang).



RAJAH 18 Ayat 18

Merujuk kepada Rajah 18, ujian penguasaan kefahaman leksikal kata adjektif ini dilakukan menggunakan Ayat 18. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah ‘Merasai kepanasan’ manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah C iaitu ‘Angek’ yang bermaksud ‘Hangat’. Dalam data mentah ini, didapati sebanyak 83% atau 50 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 17% atau 10 orang yang telah memilih pilihan jawapan yang salah iaitu A ‘Kombang’ dan D ‘Kuyuik’ yang membawa erti ‘Kembang’ dan ‘Kuyup’ masing-masing.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi tua (30% atau 3 orang), generasi remaja (18% atau 3 orang), generasi dewasa (12% atau 4 orang).



RAJAH 19 Ayat 19

Rajah 19 ini menunjukkan ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 19. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Sangat menarik apabila dipandang' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah B iaitu 'Ancak' yang bermaksud 'Cantik'. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 80% atau 48 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. 20% atau 12 orang yang selebihnya memilih jawapan yang salah seperti A 'Bongak', C 'Jonio', dan D 'Lontioik' yang bermaksud 'Bodoh', 'Jernih', dan 'Lentik' masing-masing.


Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (29% atau 5 orang), generasi tua (20% atau 2 orang), generasi dewasa (15% atau 5 orang).



RAJAH 20 Ayat 20

Rajah 20 memaparkan hasil ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 20. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Ukuran timbangan' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah A iaitu 'Boghek' yang bermaksud 'Berat'. Berdasarkan daripada data yang diperolehi, sebanyak 87% atau 52 orang responden yang telah memilih jawapan yang betul. Walau bagaimanapun, sebanyak 13% atau 8 orang yang lain telah memilih jawapan B 'Codiok', C 'Kompui', dan D 'Nipi' yang bermaksud 'Cerdik', 'Kempis', dan 'Nipis' masing-masing dan pilihan-pilihan ini merupakan jawapan yang salah.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi dewasa (15% atau 5 orang), generasi remaja (12% atau 2 orang), generasi tua (10% atau seorang).



RAJAH 21 Ayat 21

Berdasarkan Rajah 21, dapat dilihat ujian yang dilakukan menggunakan Ayat 21. Penerangan bagi leksikal yang diuji dalam ayat ini adalah 'Cepat atau laju' manakala jawapan sebenar bagi soalan ini adalah D iaitu 'Doghe' yang bermaksud 'Deras'. Berdasarkan data ini, sebanyak 85% atau 51 orang responden yang telah memilih jawapan yang tepat. Tetapi, sebanyak 15% atau 9 orang yang telah memilih pilihan jawapan yang salah iaitu A 'Gane', B 'Padek', dan C 'Ajin' yang bermaksud 'Ganas', 'Padat', dan 'Rajin' masing-masing.

Berikut merupakan peratusan bagi responden yang memilih jawapan tidak tepat dengan susunan menurun: Generasi remaja (18% atau 3 orang), generasi dewasa (15% atau 5 orang), generasi tua (10% atau seorang).

Secara keseluruhannya, ujian penguasaan kefahaman leksikal kata adjektif ini menunjukkan bahawa kelompok umur yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah bagi aspek ini adalah generasi remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana kumpulan generasi ini menunjukkan peratusan yang tertinggi dari segi kesalahan memilih jawapan dalam ujian Ayat 16, Ayat 17, Ayat 19, dan Ayat 21 dengan catatan peratusan 18%, 12%, 29%, 18% masing-masing. Hal ini mungkin disebabkan keselarisan arah tuju kajian dengan penyelidikan milik Sa'adiah Ma'alip dan Rahilah Omar (2018) yang menggambarkan fenomena peralihan bahasa dari segi penguasaan adalah lebih tinggi pada subjek kajian dalam golongan generasi yang lebih muda.

KESIMPULAN

Peralihan bahasa dari aspek penguasaan ini merupakan satu topik perbincangan yang sangat menarik. Ia dapat menggambarkan tahap kemahiran suatu masyarakat bahasa minoriti dalam memahami dan menggunakan bahasa ibunda mereka. Dapat juga dilihat bahawa corak data kajian

yang diperoleh dari kumpulan generasi yang berbeza adalah berlainan antara satu sama lain. Kajian terhadap penguasaan bahasa Kampar ini menyentuh tiga aspek seperti ujian penguasaan kefahaman leksikal kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Ketiga-tiga aspek ini memiliki 7 ayat dalam bahasa Kampar dan ia digunakan sebagai medium ujian. Untuk aspek penguasaan kefahaman leksikal kata nama, data mentah yang diperoleh menunjukkan bahawa generasi remaja bagi kajian ini merupakan kelompok umur yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah bagi aspek ini.

Hal ini dikatakan demikian kerana kumpulan generasi ini telah menggambarkan peratusan yang tertinggi dari segi kesalahan memilih jawapan dalam ujian Ayat 1, Ayat 2, Ayat 3, Ayat 4, dan Ayat 7 dengan ukuran peratusan 12%, 12%, 12%, 18%, 18% masing-masing. Aspek yang kedua pula iaitu penguasaan kefahaman leksikal kata kerja menunjukkan bahawa kelompok umur yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah bagi aspek ini adalah generasi tua. Hal ini dikatakan demikian kerana kumpulan generasi ini telah menggambarkan peratusan yang tertinggi dari segi kesalahan memilih jawapan dalam ujian Ayat 8, Ayat 9, Ayat 11, dan Ayat 12 dengan catatan peratusan 20%, 30%, 10%, 40% masing-masing. Aspek yang terakhir sekali iaitu penguasaan kefahaman leksikal kata adjektif menunjukkan bahawa kelompok umur yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah bagi aspek ini adalah generasi remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana kumpulan generasi ini menunjukkan peratusan yang tertinggi dari segi kesalahan memilih jawapan dalam ujian Ayat 16, Ayat 17, Ayat 19, dan Ayat 21 dengan catatan peratusan 18%, 12%, 29%, 18% masing-masing.

Berdasarkan dapatan kajian aspek penguasaan bahasa masyarakat Kampar ini menunjukkan bahawasiswa bahasa masyarakat ini berada pada tahap peralihan bahasa kerana dapatan kajian menunjukkan berlakunya kemerosoton dan penguasaan bahasa Kampar yang lemah khususnya dari aspek leksikal. Bahasa masyarakat Kampar ini akan terus beralih kepada Bahasa Melayu khususnya dan bahasa-bahasa lain sekiranya masyarakat ini terus tidak mengambil berat akan situasi kebahasaan masyarakat mereka sendiri.

RUJUKAN

- Amir Guntur Kamparputra. 2012. *Panduan Bahasa Melayu Baku Dialek Kampar*. Amir Guntur Kamparputra. Kuala Lumpur: ZAPT Publishing.
- Ang Kaen Hua. 2016. Pengenaln Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 1(1), 17-23.
- Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi & Nazirah Hassan. 2020. *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2020. Pengekalan dan Peralihan Dialek Melayu Satun: Korelasi Antara Penggunaan Bahasa dengan Faktor Umur Penutur. *Jurnal Linguistik* 24(2), 47-58.
- Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2019. Peralihan Bahasa Cham dalam Masyarakat Cham di Malaysia: Analisis Sociolinguistik. *Journal of Language Studies* 19(2), 52-69.
- Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2020. Peralihan Bahasa dalam Kalangan Dua Generasi Cham Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia*

Tenggara 90(2), 75-89.

Norliza Jamaluddin. 2020. Penelitian Sintagmatik Sebagai Penentu Golongan Kata Sifat. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Sa'adiyah Ma'alip & Rahilah Omar. 2018. Penguasaan Bahasa Baba-Nyonya dalam Kalangan Masyarakat Baba-Nyonya di Melaka. *Jurnal Melayu* 17(2), 312-327.

Sa'adiyah Ma'alip & Teo Kok Seong. 2016. Penggunaan bahasa Bahasa Baba-Nyonya di Kuala Gandah. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space* 12, Issue 11, 62-78.

Witrianto & Arfinal. 2011. Bahasa Ocu: Akulturasi Antara Bahasa Minangkabau Dengan Bahasa Melayu Riau di Kabupaten Kampar. Seminar Internasional Forum Ilmiah VII FPBS UPI "Pemikiran-pemikiran Inovatif dalam Kajian Bahasa, Sastra, Seni, dan Pembelajarannya". Bandung, 30 November.

Biodata Penulis:

Mior Muhammad Firdaus Bin Abdul Rahman adalah bekas pelajar Program Pengajian Bahasa Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sa'adiyah Binti Ma'alip (PhD) adalah pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sosiolinguistik.